

Bangunkan pusat peranginan di tasik: PM

KUALA NERANG, Ahad - Pembangunan pusat pelancongan di kawasan tasik akan menjadi lebih cergas pada masa depan setelah ancaman pengganas komunis tidak lagi wujud di kawasan larangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pembangunan itu turut membabitkan pembinaan pusat perkelahan dan tempat untuk kegiatan belia yang dilengkapi hotel kos rendah untuk menyediakan tempat penginapan kepada pelancong tempatan.

Menurutnya, kerajaan kini mula membangunkan tasik yang dulu tidak berpeluang dimajukan kerana menghadapi ancaman pengganas komunis dan dijadikan kawasan larangan.

"Kawasan ini umpamanya adalah kawasan larangan sebab dulu banyak pengganas di sini dan kita tidak dibenarkan masuk. (Tetapi) sekarang tidak ada lagi pengganas dan sebab itu sekarang ini kita mula membangunkan tasik.

"Kita akan ada tasik khayalan, bukan pulau khayalan, insya-Allah," katanya kepada pemberita di Holiday Inn Resort Pedu Lake di Tasik Pedu, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri tiba dengan pesawat amfibia *Cessna Caravan 1 Amphibian* milik Mofaz Air Sdn Bhd dari Alor Star. Perkhidmatan itu disediakan oleh Mofaz Air Sdn

Bhd dan Mines Resort Water Sport Club.

Pesawat itu boleh mendarat dan berlepas dari permukaan air menyediakan 10 tempat duduk.

Turut menyertai pembangunan itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Eksekutif Mofaz Air Sdn Bhd, Mohamed Fauzy Abdul Hamid dan Pengerusi Berjaya Group, Tan Sri Vincent Tan.

Terdahulu, beliau melancarkan perkhidmatan pengangkutan udara pertama di negara ini menggunakan pesawat jenis itu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat Alor Star.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir berkata, perkhidmatan itu adalah permulaan era promosi tasik dan pusat peranginan tasik selain memberi pengalaman baru kepada pelancongan dalam dan luar negara.

Menurutnya, negara ini mempunyai banyak tasik buatan manusia termasuk di bekas lombong serta tasik yang dibina empangan untuk menghasilkan tenaga elektrik hidro dan bekalan air.

"Tasik ini memang cantik dan biasanya ia berada di paras lebih tinggi daripada laut dan suasana pada waktu malam lebih sejuk dan nyaman," katanya.